



PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2023/2024) (BIL. 1), 2024

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 44/2024) bertarikh 20 haribulan Jun 2024 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat billion dan sembilan ratus juta ringgit (\$4,900,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2023/2024), 2023 (Akta 1 tahun 2023).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga belas juta, sembilan ratus dua ribu dan sepuluh ringgit (\$13,902,010.00).

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2023/2024) (Bil. 1), 2024.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2023/2024 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga belas juta, sembilan ratus dua ribu dan sepuluh ringgit (\$13,902,010.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2023/2024, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2023/2024), 2023 (Akta 1 tahun 2023), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud ceraihan (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
	JABATAN PERDANA MENTERI	
SA05A	Biro Mencegah Rasuah	\$160,000.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$11,235,010.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$2,128,500.00
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$378,500.00
		<hr/>
		\$13,902,010.00

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1446 bersamaan dengan 31 haribulan Disember, 2024 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**